

16 JUL 1998

DR MAHATHIR Pengerusikan Mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri

KUALA LUMPUR, 16 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mempengerusikan mesyuarat Menteri-Menteri Besar dan Ketua-Ketua Menteri di Jabatan Perdana Menteri di sini.

Mesyuarat yang bermula pada pukul 2.45 petang itu turut dihadiri beberapa Menteri Kabinet.

Kesemua Menteri Besar dan Ketua Menteri menghadiri mesyuarat itu kecuali Menteri Besar Johor Datuk Abdul Ghani Othman, Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Aziz Nik Mat dan Ketua Menteri Sarawak Tan Sri Taib Mahmud.

Turut hadir pada mesyuarat itu Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Abdul Halim Ali dan Peguam Negara Tan Sri Mohtar Abdullah.

-- BERNAMA

MNY RA PR